

Headline	Baru dua kali layan		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	04 Mar 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	20	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	267 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,183
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,550



Baru dua kali layan

Suami isteri dikenakan caj RM650 >>Oleh
hingga RM1,200 untuk langgan
gadis tempatan

SALMAN HAMAT

salman@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: Sepasang suami isteri berusia 30-an ditahan polis kerana dipercayai memperdagangkan gadis tempatan bagi aktiviti persundalan khas untuk melayan pelanggan VIP dalam serbuan di sebuah hotel di pusat bandar raya ini, awal pagi semalam.

Turut ditahan dalam operasi berasingan pada jam 1 pagi itu ialah lima perempuan tempatan yang juga pelacur berusia 21 hingga 23 tahun.

Kelima-lima perempuan terbabit dihantar pasangan itu ke sebuah kelab karaoke eksklusif, di bandar raya ini, untuk melayan pelanggan.

Tiga daripada perempuan terbabit cuba melarikan diri ketika serbuan dijalankan, tetapi berjaya ditahan.

Ada di kalangan perempuan terbabit baru terjebak dengan aktiviti persundalan selepas mengaku baru dua kali dilanggan dan masih kekok melayan pelanggan.

Polis turut menemui empat kondom yang belum digunakan pada empat perempuan terbabit.

Pegawai Turus Cawangan Kongsi Gelap, Maksiat dan Perjudian (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, Deputy Superintendan Mohammad Abd Hamid berkata, serbuan dijalankan hasil risikan serta maklumat awam.

"Pasangan suami isteri terbabit mengenakan bayaran RM650 untuk berhibur serta memuaskan nafsu seks lelaki hidung belang, manakala ba-

yan sehingga RM1,200 bagi melayan pelanggan VIP hingga ke pagi.

"Siasatan awal mendapati pasangan suami isteri terbabit mensasarkan pelanggan di kalangan VIP dan menyediakan khidmat penghantaran perempuan itu sebagai teman berhibur selain teman seks ke pusat hiburan eksklusif serta hotel lima bintang sekitar Johor Bahru," katanya.

Beliau berkata, pihaknya yakin pasangan suami isteri terbabit mula menjalankan aktiviti itu sejak dua minggu lalu.

Menurutnya, polis turut merampas seunit telefon bimbit, sehelai kertas catitan rekod aktiviti persundalan serta wang tunai RM1,600.

"Pasangan suami isteri itu disiasat mengikut Seksyen 372 (1)(f) Kanun Keseksaan kerana bertindak sebagai orang tengah dalam aktiviti persundalan," katanya.



BUKTI...
polis menemui kondom dalam pemeriksaan mengejut di sebuah pusat karaoke, awal pagi semalam.